

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (EDISI NEGERI)

TARIKH: 26 JANUARI 2018

MUKA SURAT:24



## Peka pembiakan nyamuk Aedes

### Warga SMKTPG aktif banteras nyamuk Aedes

NURUL FIRDAUS KHAIRI

TELOK PANGLIMA GARANG - Seramai 80 peserta terdiri daripada pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Telok Panglima Garang terlibat dalam Program Nyamuk Aedes, baru-baru ini.

Pengerusi Combi Daerah Kuala Langat, Mond Noor Ahmad berkata, program ini dibuat bagi memberi peluang pelajar dan guru mendapatkan maklumat mengenai pembiakan nyamuk Aedes.

Katanya, aktiviti cari dan musnah Aedes itu dibahagikan kepada 10 kumpulan yang terdiri daripada pelajar, guru-guru dan ahli jawatankuasa Combi.

Menurutnya, manakala kontraktor kebersihan pula dibahagikan kepada tiga kumpulan bagi membantu membersihkan persekitaran sekolah.

"Hasil siasatan kita berjaya menemui empat bekas sampel jejutik dijumpai di tandas, baldi dan talangan air di rumah pekerja.

"Kita dapati longkang turut tersumbat sehingga menakung air dan dikhuatiri antara penyebab berlakunya pembiakan nyamuk Aedes," katanya kepada Sinar Harian.

Mohd Noor berkata, beliau gembira dapat memberi pencerahan kepada pihak sekolah selain dapat membantu pihak sekolah mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes berakut.

Katanya, peranan semua pihak dalam membantu mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes perlu ditingkatkan dalam usaha menjamin sebuah kawasan sekolah yang bersih.



Kerja-kerja pembersihan kawasan sekolah yang dilakukan dengan teliti.



Kerja-kerja pembersihan kawasan sekolah dari pembiakan nyamuk Aedes.



Antara jejutik-jejutik yang ditemui.



Pencerahan tentang pentingnya menjaga kawasan dari menjadi tempat pembiakan nyamuk.